



---

**TATACARA PERAKAUNAN BILANGAN 2 TAHUN 2026**

---

**TRANSAKSI BAYARAN BUKAN PERDAGANGAN**

**PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**TARIKH KUAT KUASA: 1 MAC 2026**

**Diedarkan kepada:  
Semua Staf Jabatan Bendahari**

# KANDUNGAN

1.	TUJUAN .....	3
2.	LATAR BELAKANG .....	3
3.	TAKRIFAN .....	3
4.	PIAWAIAN PERAKAUNAN .....	4
5.	POLISI PERAKAUNAN USM .....	5
6.	CARTA AKAUN .....	5
7.	TATACARA PERAKAUNAN .....	6
7.1	Arahan Bayaran Tanpa Pesanan.....	6
7.2	Pesanan Dalaman.....	12
7.3	Panjar Wang Runcit.....	14
7.4	Kad Korporat .....	22
7.5	Arahan Bayaran dari Sistem Utama Universiti .....	26
8.	TARIKH KUATKUASA .....	31



## TATACARA PERAKAUNAN BILANGAN 2 TAHUN 2026 TRANSAKSI BAYARAN BUKAN PERDAGANGAN

### 1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan tatacara perakaunan bagi transaksi bayaran bukan perdagangan yang dijana daripada sistem *ePayChannel*.

### 2. LATAR BELAKANG

USM menggunakan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standard – MPSAS*) dalam penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti. Tatacara mengakaunkan transaksi bagi bayaran bukan perdagangan dirangka bagi mematuhi MPSAS, Polisi Perakaunan USM dan keperluan sistem *ePayChannel*.

### 3. TAKRIFAN

Dalam garis panduan ini, melainkan maksudnya memerlukan demikian, maksud perkataan-perkataan berikut ialah:-

#### 3.1 *Vendor Non-Trade*

*Vendor Non-Trade* adalah pihak atau individu yang membekalkan barang atau perkhidmatan yang tidak berkaitan secara langsung dengan aktiviti jual beli utama USM termasuk Kerajaan; pembekal elektrik, air dan pembentungan; pembekal luar negara; persatuan atau pihak atau individu yang menerima sumbangan kebajikan.

#### 3.2 Bayaran Bukan Perdagangan

Bayaran bukan perdagangan ialah pembayaran yang berkaitan dengan pembayaran kepada *Vendor Non-Trade*; perkhidmatan/ tuntutan/ kebajikan warga USM dan waris; pembelian runcit; pembelian kad korporat dan pembayaran urus niaga jual beli barangan atau perkhidmatan di antara PTJ.

#### 3.3 Sistem *ePayChannel*

Sistem *ePayChannel* merupakan sistem yang direka khas bagi menguruskan *vendor non-trade* dan menjana transaksi perakaunan untuk bayaran bukan perdagangan dalam mata wang tempatan dan mata wang asing. Terdapat 5 modul utama dalam sistem *ePayChannel* yang menjana catatan bergu secara automatik ke *Modul Account Payables* setelah transaksi diluluskan oleh Pelulus Bayaran/ Pemegang PWR Utama iaitu:

- a. Arahan Bayaran Tanpa Pesanan
- b. Pesanan Dalaman

- c. Panjar Wang Runcit
- d. Kad Korporat
- e. Arahan Bayaran dari Sistem Utama Universiti

#### 4. PIAWAIAN PERAKAUNAN

Garis panduan ini disediakan seperti yang dikehendaki oleh MPSAS di bawah perkara berikut:

##### 4.1 MPSAS 1 - Pembentangan Penyata Kewangan

MPSAS 1 Perenggan 7(b). **Belanja** ialah pengurangan dalam manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan semasa tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar atau penggunaan aset atau pewujudan liabiliti yang mengakibatkan pengurangan aset bersih/ ekuiti, selain yang berkaitan dengan pengagihan kepada pemilik.

MPSAS 1 Perenggan 7(b). **Liabiliti** ialah obligasi kini entiti yang timbul daripada peristiwa lampau, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dari entiti.

MPSAS 1 Perenggan 7(b). **Hasil** ialah aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan sepanjang tempoh pelaporan apabila aliran masuk itu menyebabkan berlakunya peningkatan dalam aset bersih/ ekuiti, selain peningkatan berkaitan dengan sumbangan daripada pemilik.

MPSAS 1 Perenggan 80. Liabiliti hendaklah dikelaskan sebagai **liabiliti semasa** apabila menepati mana-mana kriteria berikut:

- a. Liabiliti dijangka diselesaikan dalam kitaran operasi biasa entiti;
- b. Liabiliti dipegang terutamanya untuk tujuan perdagangan;
- c. Liabiliti dijangka diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan; atau
- d. Entiti tidak mempunyai hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan (lihat perenggan 84). Syarat bagi liabiliti yang boleh, atas pilihan pihak berlawanan, menyebabkan penyelesaiannya melalui instrumen ekuiti tidak akan menjejaskan pengelasannya.

##### 4.2 MPSAS 9 - Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

MPSAS 9 Perenggan 11. **Urus niaga pertukaran** ialah urus niaga apabila sebuah entiti menerima aset atau perkhidmatan, atau liabiliti dilangsaikan dan secara langsung memberikan nilai yang hampir sama (terutamanya dalam bentuk wang tunai, barangan, perkhidmatan atau penggunaan aset) kepada entiti lain sebagai pertukaran.

MPSAS 9 Perenggan 19. Apabila hasil bagi satu urus niaga yang melibatkan penyediaan perkhidmatan boleh dianggarkan dengan pasti, maka hasil yang berkaitan dengan urus niaga itu perlu diiktiraf dengan merujuk kepada tahap kesempurnaan urus niaga tersebut pada tarikh pelaporan. Keputusan daripada sesuatu urus niaga boleh dianggarkan dengan pasti apabila semua syarat berikut dipenuhi:

- a. Amaun hasil boleh diukur dengan pasti;
- b. Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada entiti;
- c. Tahap kesempurnaan urus niaga pada tarikh pelaporan boleh diukur dengan pasti; dan
- d. Kos yang ditanggung untuk urus niaga dan kos untuk menyempurnakan urus niaga itu boleh diukur dengan pasti.

## 5. POLISI PERAKAUNAN USM

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan pada asas akruan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) serta menurut kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam dasar-dasar perakaunan yang penting.

## 6. CARTA AKAUN

### 6.1 Akaun

#### 6.1.1 Struktur Akaun

Carta akaun telah dibentuk bagi tujuan perekodan transaksi bayaran bukan perdagangan seperti berikut:

Kelas Akaun	Sub Kelas	Keterangan	Siri Akaun
<b>A0100000</b> Tunai dan Kesetaraan Tunai	<b>A0110000</b> Wang Tunai di Bank	Memperakaunkan wang tunai di dalam bank yang terdiri daripada akaun semasa dan akaun lain.	<b>A0111000</b> Wang di Bank (Akaun Semasa)
	<b>A0120000</b> Wang Tunai di Tangan	Memperakaunkan wang tunai di tangan yang terdiri daripada panjar wang runcit dan wang tunai belum dibankkan	<b>A0121000</b> Panjar Wang Runcit
<b>A0400000</b> Akaun Belum Terima (Akaun Amanah)	<b>A0460000</b> Pendahuluan	Memperakaunkan bayaran pendahuluan diri staf USM di bawah Akaun Amanah USM yang belum diterima	<b>A0461000</b> Pendahuluan Diri
<b>L0100000</b> Akaun Belum Bayar	<b>L0190000</b> Akaun Kena Bayar	Memperakaunkan tanggungan perbelanjaan sementara untuk keperluan sistem.	<b>L0191000</b> Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar

### 6.1.2 Kod Akaun

Kod Akaun yang dibentuk bagi tujuan perekodan transaksi bayaran bukan perdagangan adalah seperti berikut:

Kod Akaun	Nama Akaun
A0111101	Wang Di Bank – CIMB Bank Berhad
A0111108	Wang Di Bank – Bank Islam Malaysia Berhad (Kampus Induk)
A0111118	Wang Di Bank – Bank Islam Malaysia Berhad (Hospital Pakar USM)
A0111119	Wang Di Bank – Bank Islam Malaysia Berhad (Pusat Pakar Klinikal dan Penyelidikan Kanser)
A0111123	Wang Di Bank – Bank Islam Malaysia Berhad (Kampus Kesihatan)
A0111124	Wang Di Bank – Bank Islam Malaysia Berhad (Kampus Kejuruteraan)
A0461302	Pendahuluan Kad Korporat PTJ
A0461305	Pendahuluan Panjar Wang Runcit
L0191101	Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar
L0191103	Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar (Kad Korporat)
L0191105	Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar (Panjar Wang Runcit)
L0191107	Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar (Pesanan Dalaman)

### 6.2 Sub Akaun

Perekodan transaksi bayaran bukan perdagangan menggunakan Sub Akaun mengikut aktiviti dilaksanakan.

## 7. TATACARA PERAKAUNAN

Tatacara perakaunan untuk transaksi bayaran bukan perdagangan adalah seperti berikut:

### 7.1 Arahan Bayaran Tanpa Pesanan

#### 7.1.1 Transaksi Arahan Bayaran Tanpa Pesanan (Mata Wang Tempatan – Secara Individu)

- a. Sistem membenarkan Penyedia PTJ untuk membuat arahan bayaran tanpa pesanan secara individu (satu *Vendor Non-Trade*). Sistem mengemaskini Pra Tanggungan. Catatan bergu tidak dijana oleh sistem.

Contoh:

Arahan bayaran penggunaan elektrik kepada Tenaga Nasional Berhad sebanyak RM5,000.00. Sistem akan merekod Pra Tanggungan sebanyak RM5,000.00.

- b. Pelulus Bayaran meluluskan arahan bayaran tanpa pesanan secara individu (satu *Vendor Non-Trade*).
  - i. Sistem menjana catatan bergu secara automatik ke Modul *Account Payables - Invoice and Adjustment*. Sistem reverse Pra Tanggungan RM5,000.00 dan kemaskini Bayaran sebanyak RM5,000.00.

	Catatan Bergu	Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	Belanja PTJ	5,000.00	040 B0223201 M101-UR-AJP001-0000AJPEMB-0000
Kredit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – <i>Vendor Non-Trade</i> (Kod Pembekal Tenaga Nasional Berhad = V00000182)	5,000.00	040 L0191101 M101-UR-AJP001-0000AJPEMB-0000

- ii. Proses penyediaan EFT dilaksanakan di *Modul Account Payables – Cheques and Payments*. Maklumat EFT dikemaskini ke sistem.

	Catatan Bergu	Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – <i>Vendor Non-Trade</i> (Kod Pembekal Tenaga Nasional Berhad = V00000182)	5,000.00	040 L0191101 M101-UR-AJP001-0000AJPEMB-0000
Kredit	Bank	5,000.00	060 A0111108 M100-UR-000000-0000000000-0000

### 7.1.2 Transaksi Arahan Bayaran Tanpa Pesanan (Mata Wang Tempatan – Secara Pukal)

- a. Sistem membenarkan Penyedia PTJ untuk membuat arahan bayaran tanpa pesanan secara pukal (melebihi satu *Vendor Non-Trade*). Sistem mengemaskini Pra Tanggungan. Catatan bergu tidak dijana oleh sistem.

Contoh:

Arahan bayaran honorarium kepada seorang pemeriksa luar dan seorang pensyarah USM untuk program sarjana sebanyak RM400.00 bagi setiap orang. Sistem akan merekod Pra Tanggungan sebanyak RM800.00.

- b. Pelulus Bayaran meluluskan arahan bayaran tanpa pesanan secara pukal (melebihi satu *Vendor Non-Trade*).
- i. Sistem menjana fail pukal mata wang tempatan dan catatan bergu secara automatik ke Modul *Account Payables - Invoice and Adjustment*. Fail pukal mata wang tempatan dihantar sebagai lampiran ke Modul *Account Payables - Invoice and Adjustment*. Sistem *reverse* Pra Tanggungan RM800.00 dan kemaskini Bayaran sebanyak RM800.00.

Catatan Bergu		Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	Belanja PTJ	400.00	025 B0229404 A303-LR-APD005-0000415401-0000
Debit	Belanja PTJ	400.00	025 B0229412 A303-LR-APD005-0000415401-0000
Kredit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – Bank Pukal (Kod Pembekal Bank Pukal = D003)	800.00	025 L0191101 A303-LR-APD005-0000415401-0000

- ii. Proses penyediaan EFT dilaksanakan di Modul *Account Payables - Cheques and Payments*. Maklumat EFT dikemaskini ke sistem.

Catatan Bergu		Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – Bank Pukal (Kod Pembekal Bank Pukal = D003)	800.00	025 L0191101 A303-LR-APD005-0000415401-0000
Kredit	Bank	800.00	060 A0111108 M100-UR-000000-0000000000-0000

### 7.1.3 Transaksi Arahan Bayaran Tanpa Pesanan (Mata Wang Asing – Secara Individu)

- a. Sistem membenarkan Penyedia PTJ untuk membuat arahan bayaran tanpa pesanan secara individu (satu *Vendor Non-Trade*) menggunakan mata wang asing. Sistem mengemaskini Pra Tanggungan menggunakan kadar harian pertukaran mata wang asing. Catatan bergu tidak dijana oleh sistem.

Contoh:

Arahan bayaran honorarium kepada seorang pemeriksa luar sebanyak USD100.00 pada kadar pertukaran USD1.00 bersamaan RM4.00 pada 12 Disember 2025. Sistem akan merekod Pra Tanggungan dalam mata wang tempatan iaitu sebanyak RM400.00.

- b. Pelulus Bayaran meluluskan arahan bayaran tanpa pesanan secara individu (satu *Vendor Non-Trade*).

- i. Sistem menjana catatan bergu secara automatik ke Modul *Account Payables - Invoice and Adjustment*. Sistem reverse Pra Tanggungan dan kemaskini Bayaran.

Contoh:

Arahan bayaran honorarium kepada seorang pemeriksa luar sebanyak USD100.00 telah diluluskan oleh Pelulus Bayaran pada 15 Disember 2025 (kadar pertukaran USD1.00 bersamaan RM4.05). Sistem reverse Pra Tanggungan RM400.00 dan kemaskini Bayaran sebanyak RM405.00.

Catatan Bergu		Amaun (USD)	Amaun (RM)	Contoh Kod Branch, Akaun & Sub Akaun
Debit	Belanja PTJ	100.00	405.00	025 B0229404 A303-LR-APD005-0000415401-0000
Kredit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – <i>Vendor Non-Trade</i> (Kod Pembekal mengikut pemilihan Pengguna)	100.00	405.00	025 L0191101 A303-LR-APD005-0000415401-0000

- ii. Proses penyediaan FOTT dilaksanakan di Modul *Account Payables – Cheques and Payments*. Maklumat FOTT dikemaskini ke sistem.

Catatan Bergu		Amaun (USD)	Amaun (RM)	Contoh Kod Branch, Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – <i>Vendor Non-Trade</i> (Kod Pembekal mengikut pemilihan Pengguna)	100.00	405.00	025 L0191101 A303-LR-APD005-0000415401-0000
Kredit	Bank	100.00	405.00	060 A0111108 M100-UR-000000-0000000000-0000

- iii. Proses pelarasan untung/ rugi pertukaran mata wang asing dan caj perkhidmatan bank dilaksanakan di Modul *General Ledger*. Maklumat untung/ rugi pertukaran mata wang asing dan caj perkhidmatan bank dikemaskini ke sistem sebagai Bayaran.

Contoh:

Kerugian pertukaran mata wang asing

Bayaran honorarium kepada seorang pemeriksa luar telah diproses oleh bank pada 16 Disember 2025 dengan kadar pertukaran USD1.00 bersamaan RM4.10 dan caj perkhidmatan bank sebanyak RM12.50. Kerugian pertukaran mata wang asing dan caj perkhidmatan bank direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Amaun (USD)	Amaun (RM)	Contoh Kod Branch, Akaun & Sub Akaun
Debit	Belanja PTJ (kerugian pertukaran mata wang asing)	-	5.00	025 B0229404 A303-LR-APD005-0000415401-0000
Debit	Belanja PTJ (caj perkhidmatan bank)	-	12.50	025 B0229139 A303-LR-APD005-0000415401-0000
Kredit	Bank (RM410.00 – RM405.00 + RM12.50)	-	17.50	060 A0111108 M100-UR-000000-0000000000-0000

#### 7.1.4 Transaksi Arahan Bayaran Tanpa Pesanan (Mata Wang Asing – Secara Pukal)

- a. Sistem membenarkan Penyedia PTJ untuk membuat arahan bayaran tanpa pesanan secara pukal (melebihi satu *Vendor Non-Trade*) menggunakan mata wang asing. Sistem mengemaskini Pra Tanggungan menggunakan kadar harian pertukaran mata wang asing. Catatan bergu tidak dijana oleh sistem.

Contoh:

Arahan bayaran honorarium kepada 2 orang pemeriksa luar sebanyak USD100.00 seorang pada kadar pertukaran USD1.00 bersamaan RM4.00 pada 12 Disember 2025. Sistem hanya membenarkan bayaran secara pukal dalam satu mata wang asing yang sama sahaja. Sistem akan merekod Pra Tanggungan dalam mata wang tempatan iaitu sebanyak RM800.00.

- b. Pelulus Bayaran meluluskan arahan bayaran tanpa pesanan secara pukal (melebihi satu *Vendor Non-Trade*).
- i. Sistem menjana fail pukal mata wang asing dan catatan bergu secara automatik ke *Modul Account Payables - Invoice and Adjustment*. Fail pukal mata wang asing dihantar sebagai lampiran ke *Modul Account Payables - Invoice and Adjustment*. Sistem *reverse* Pra Tanggungan dan kemaskini Bayaran.

Contoh:

Arahan bayaran honorarium kepada 2 orang pemeriksa luar sebanyak USD100.00 seorang telah diluluskan oleh Pelulus Bayaran pada 17 Disember 2025 (kadar pertukaran USD1.00 bersamaan RM3.95). Sistem *reverse* Pra Tanggungan RM800.00 dan kemaskini Bayaran sebanyak RM790.00.

Catatan Bergu		Amaun (USD)	Amaun (RM)	Contoh Kod Branch, Akaun & Sub Akaun
Debit	Belanja PTJ	200.00	790.00	025 B0229404 A303-LR-APD005-0000415401-0000
Kredit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – Bank Pukal (Kod Pembekal Bank Pukal = D003)	200.00	790.00	025 L0191101 A303-LR-APD005-0000415401-0000

- ii. Proses penyediaan FOTT dilaksanakan di *Modul Account Payables – Cheques and Payments*. Maklumat FOTT dikemaskini ke sistem.

Catatan Bergu		Amaun (USD)	Amaun (RM)	Contoh Kod Branch, Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – Bank Pukal (Kod Pembekal Bank Pukal = D003)	200.00	790.00	025 L0191101 A303-LR-APD005-0000415401-0000
Kredit	Bank	200.00	790.00	060 A0111108 M100-UR-000000-0000000000-0000

- iii. Proses pelarasan untung/ rugi pertukaran mata wang asing dan caj perkhidmatan bank dilaksanakan di *Modul General Ledger*. Maklumat untung/ rugi pertukaran mata wang asing dan caj perkhidmatan bank dikemaskini ke sistem sebagai Bayaran.

Contoh:

Keuntungan pertukaran mata wang asing

Bayaran honorarium kepada seorang pemeriksa luar telah diproses oleh bank pada 18 Disember 2025 dengan kadar pertukaran USD1.00 bersamaan RM3.80 dan caj perkhidmatan bank sebanyak RM12.50. Keuntungan pertukaran mata wang asing dan caj perkhidmatan bank direkodkan seperti berikut:

Catatan Bergu		Amaun (USD)	Amaun (RM)	Contoh Kod Branch, Akaun & Sub Akaun
Debit	Belanja PTJ (caj perkhidmatan bank)	-	12.50	025 B0229139 A303-LR-APD005-0000415401-0000
Debit	Bank (RM760.00 – RM790.00 + 12.50)	-	17.50	060 A0111108 M100-UR-000000-0000000000-0000
Kredit	Belanja PTJ (keuntungan pertukaran mata wang asing)	-	30.00	025 B0229404 A303-LR-APD005-0000415401-0000

## 7.2 Pesanan Dalaman

### 7.2.1 Transaksi Pesanan Dalaman (Tiada Pelarasan)

- a. Sistem membenarkan Penyedia PTJ (Penerima Servis) untuk membuat pesanan dalaman kepada PTJ Pemberi Servis. Sistem mengemaskini Pra Tanggungan setelah Penyedia PTJ (Penerima Servis) menghantar pesanan dalaman kepada Penyemak/ Pelulus PTJ (Penerima Servis) untuk kelulusan. Catatan bergu tidak dijana oleh sistem.

Contoh:

Jabatan Bendahari ingin menghantar 2 orang pegawai ke Persidangan Akaun anjuran Pusat Pengajian Pengurusan pada kadar RM500.00 seorang. Sistem akan merekod Pra Tanggungan sebanyak RM1,000.00.

- b. Sistem menjana Arahan Bayaran secara automatik setelah Pelulus PTJ (Penerima Servis) membuat pengesahan penerimaan perkhidmatan daripada PTJ Pemberi Servis dan menghantar Arahan Bayaran.
- i. Belanja – sistem menjana transaksi debit berdasarkan item belanja dan aktiviti yang dipilih oleh PTJ Penerima Servis.
  - ii. Hasil – sistem menjana transaksi kredit berdasarkan item hasil dan aktiviti yang dipilih oleh PTJ Pemberi Servis.
- c. Pelulus Bayaran meluluskan transaksi pesanan dalaman yang diterima melalui Arahan Bayaran daripada PTJ Penerima Servis. Sistem menjana catatan bergu secara automatik ke Modul *Account Payables*. Sistem *reverse* Pra Tanggungan dan kemaskini Bayaran.
- i. *Invoice and Adjustment*

Catatan Bergu		Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	Belanja PTJ (Penerima Servis)	1,000.00	031 B0229107 E401-UR-TEP001-0310550001-000
Kredit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – Pesanan Dalaman (Kod Pembekal = D004)	1,000.00	031 L0191107 E401-UR-TEP001-0310550001-000

ii. *Debit Adjustment*

Catatan Bergu		Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – Pesanan Dalam (Kod Pembekal = D004)	1,000.00	031 L0191107 E401-UR-TEP001-0310550001-000
Kredit	Hasil PTJ (Pemberi Servis)	1,000.00	092 H0272204 E401-UR-TEP003-0000371037-0000

- d. Fail bank tidak dijana oleh sistem. Tiada bayaran melalui bank kepada PTJ Pemberi Servis.

**7.2.2 Transaksi Pesanan Dalam (Pelarasan Belanja/ Hasil)**

- a. Sistem membenarkan Penyedia PTJ (Penerima Servis) untuk membuat pesanan dalam kepada PTJ Pemberi Servis. Sistem mengemaskini Pra Tanggungan setelah Penyedia PTJ (Penerima Servis) menghantar pesanan dalam kepada Penyemak/ Pelulus PTJ (Penerima Servis) untuk kelulusan. Catatan bergu tidak dijana oleh sistem.

Contoh:

Jabatan Bendahari ingin menghantar 3 orang pegawai ke Persidangan Akauntan Malaysia anjuran Pusat Pengajian Pengurusan pada kadar RM400.00 seorang. Sistem akan merekod Pra Tanggungan sebanyak RM1,200.00.

- b. Penyedia Bayaran membuat semakan dan mendapati terdapat transaksi yang tidak tepat. Penyedia Bayaran membuat pindaan transaksi belanja/ hasil. Sistem menyimpan jejak audit berkaitan pindaan.

Contoh:

PTJ Pemberi Servis telah memilih item hasil yang tidak tepat. Penyedia Bayaran membuat pindaan kod hasil di sistem.

- c. Pelulus Bayaran meluluskan transaksi pesanan dalam yang diterima melalui Arahan Bayaran daripada PTJ Penerima Servis yang telah dipinda oleh Penyedia Bayaran. Sistem menjana catatan bergu setelah pindaan secara automatik ke Modul *Account Payables*. Sistem *reverse* Pra Tanggungan dan kemaskini Bayaran.

i. *Invoice and Adjustment*

Catatan Bergu		Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	Belanja PTJ (Penerima Servis)	1,200.00	031 B0229107 E401-UR-TEP001-0310550001-000
Kredit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – Pesanan Dalam – (Kod Pembekal = D004)	1,200.00	031 L0191107 E401-UR-TEP001-0310550001-000

ii. *Debit Adjustment*

Catatan Bergu		Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – Pesanan Dalam (Kod Pembekal = D004)	1,200.00	031 L0191107 E401-UR-TEP001-0310550001-000
Kredit	Hasil PTJ (Pemberi Servis)	1,200.00	092 H0272204 E401-UR-TEP003-0000371037-0000

- d. Fail bank tidak dijana oleh sistem. Tiada bayaran melalui bank kepada PTJ Pemberi Servis.

### 7.3 Panjar Wang Runcit

#### 7.3.1 Profil Panjar Wang Runcit (PWR) – Baharu

- a. Pelulus Bayaran meluluskan arahan bayaran PWR baharu. Sistem menjana catatan bergu secara automatik ke Modul *Account Payables - Invoice and Adjustment*.

Contoh:

Pelulus Bayaran meluluskan arahan bayaran PWR baharu sebanyak RM400.00.

Catatan Bergu		Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	PWR PTJ	400.00	031 A0121101 M101-UR-ABM001-00000AB011-0000
Kredit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – PWR Utama (Kod Pembekal = D001)	400.00	060 L0191105 M101-UR-AUM001-0000000000-0000

- b. Seksyen Pengurusan Hasil dan Kos melaksanakan proses pengagihan tunai kepada Pemegang PWR PTJ. Sistem menjana catatan bergu secara automatik ke Modul *Account Payables - Debit Adjustment*.

Catatan Bergu		Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – PWR Utama (Kod Pembekal = D001)	400.00	060 L0191105 M101-UR-AUM001-0000000000-0000
Kredit	PWR Utama	400.00	060 A0121101 M101-UR-AUM001-0000000000-0000

- c. Pemegang PWR PTJ menerima tunai dan melaksanakan pengesahan terimaan tunai di Pasport USM. Pemegang PWR PTJ dapat melihat nilai PWR PTJ dalam Buku PWR seperti kelulusan.

### 7.3.2 Transaksi PWR – Pendahuluan

Sistem membenarkan Penyedia PTJ untuk membuat transaksi pendahuluan untuk pengagihan tunai oleh Pemegang PWR. Sistem mengemaskini Pra Tanggungan. Catatan bergu tidak dijana oleh sistem.

### 7.3.3 Transaksi PWR – Tuntutan

Sistem membenarkan Penyedia PTJ untuk membuat transaksi pendahuluan untuk pengagihan tunai oleh Pemegang PWR. Sistem mengemaskini Pra Tanggungan. Catatan bergu tidak dijana oleh sistem.

### 7.3.4 Transaksi PWR – Rekupan PWR PTJ (Tiada Pelarasan)

- a. Sistem melaksanakan rekupan PWR PTJ secara automatik setiap bulan atau membenarkan Pemegang PWR PTJ mengemukakan permohonan rekupan sekiranya nilai penggunaan Buku PWR PTJ mencapai 70%.

Contoh:

Jabatan Bendahari membeli makanan dan minuman untuk pelawat daripada universiti tempatan pada bulan Ogos 2025 seperti berikut:

Tarikh	Keterangan	Amaun (RM)
04.08.2025	Sarapan	5.00
04.08.2025	Makan tengahari	80.00
04.08.2025	Makan petang	10.00
05.08.2025	Sarapan	5.00
05.08.2025	Makan tengahari	80.00

Sistem melaksanakan rekupan PWR Utama secara automatik pada 1 September 2025.

- b. Pelulus Bayaran meluluskan transaksi PWR dan permohonan rekupan. Sistem menjana catatan bergu secara automatik ke Modul *Account Payables*. Sistem *reverse* Pra Tanggungan dan kemaskini Bayaran.

i. *Invoice and Adjustment*

Catatan Bergu		Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	Belanja PTJ	180.00	031 B0229401 M101-UR-ABM001-00000AB011-0000
Kredit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – PWR PTJ (Kod Pembekal = D001)	180.00	031 L0191105 M101-UR-ABM001-00000AB011-0000

ii. *Debit Adjustment*

Catatan Bergu		Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – PWR PTJ (Kod Pembekal = D001)	180.00	031 L0191105 M101-UR-ABM001-00000AB011-0000
Kredit	PWR PTJ	180.00	031 A0121101 M101-UR-ABM001-00000AB011-0000

- c. Seksyen Pengurusan Hasil dan Kos melaksanakan proses pengagihan tunai kepada Pemegang PWR PTJ. Sistem menjana catatan bergu secara automatik ke Modul *Account Payables*.

i. *Invoice and Adjustment*

Catatan Bergu		Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	PWR PTJ	180.00	031 A0121101 M101-UR-ABM001-00000AB011-0000
Kredit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – PWR Utama (Kod Pembekal = D001)	180.00	060 L0191105 M101-UR-AUM001-0000000000-0000

ii. *Debit Adjustment*

Catatan Bergu		Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – PWR Utama (Kod Pembekal = D001)	180.00	060 L0191105 M101-UR-AUM001-0000000000-0000
Kredit	PWR Utama	180.00	060 A0121101 M101-UR-AUM001-0000000000-0000

- d. Pemegang PWR PTJ menerima tunai dan melaksanakan pengesahan terimaan tunai di Pasport USM. Pemegang PWR PTJ dapat melihat nilai PWR PTJ kembali kepada nilai asal.

### 7.3.5 Transaksi PWR – Rekupan PWR PTJ (Pelarasan Transaksi Tidak Dibenarkan)

- a. Sistem melaksanakan rekupan PWR PTJ secara automatik setiap bulan atau membenarkan Pemegang PWR PTJ mengemukakan permohonan rekupan sekiranya nilai penggunaan Buku PWR PTJ mencapai 70%.

Contoh:

Jabatan Bendahari membeli makanan dan minuman untuk pelawat daripada universiti luar negara pada bulan September 2025 seperti berikut:

Tarikh	Keterangan	Amaun (RM)
08.09.2025	Sarapan	20.00
08.09.2025	Makan tengahari	100.00
08.09.2025	Makan petang	20.00
08.09.2025	Biskut	40.00
08.09.2025	Rokok	50.00
09.09.2025	Sarapan	20.00
09.09.2025	Makan tengahari	100.00

Sistem melaksanakan rekupan PWR Utama secara automatik pada 1 Oktober 2025.

- b. Penyedia Bayaran membuat semakan dan mendapati terdapat kesilapan kod item dan transaksi yang tidak dibenarkan. Penyedia Bayaran membuat pindaan transaksi. Item belanja yang tidak dibenarkan dipinda kepada Pendahuluan PWR. Pemegang PWR bertanggungjawab untuk membuat bayaran balik.
- c. Pelulus Bayaran meluluskan transaksi PWR, tuntutan Pendahuluan PWR dan permohonan rekupan. Sistem menjana catatan bergu secara automatik ke Modul *Account Payables*. Sistem *reverse* Pra Tanggungan dan kemaskini Bayaran.

#### i. *Invoice and Adjustment*

Catatan Bergu	Amaun (RM)	Contoh Kod Branch, Akaun & Sub Akaun
Debit Belanja PTJ	260.00	031 B0229401 M101-UR-ABM001-00000AB011-0000
Debit Belanja PTJ	40.00	031 B0225403 M101-UR-ABM001-00000AB011-0000
Debit Pendahuluan PWR	50.00	031 A0461305 M101-UR-ABM001-00000AB011-0000
Kredit Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – PWR PTJ (Kod Pembekal = D001)	350.00	031 L0191105 M101-UR-ABM001-00000AB011-0000

ii. *Debit Adjustment*

Catatan Bergu		Amaun (RM)	Contoh Kod <i>Branch</i> , Akaun & Sub Akaun
Debit	Pemiutang Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – PWR PTJ (Kod Pembekal = D001)	350.00	031 L0191105 M101-UR-ABM001-00000AB011-0000
Kredit	PWR PTJ	350.00	031 A0121101 M101-UR-ABM001-00000AB011-0000

- d. Seksyen Pengurusan Hasil dan Kos menerima bayaran daripada Pemegang PWR PTJ bagi transaksi yang tidak dibenarkan. Resit dijana melalui Modul *Cash Book*.

